

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan dan peraturan yang telah digunakan oleh Kerajaan dalam usaha membanteras di kalangan orang Melayu beragama Islam mengambil kesempatan berkunjung ke rumah-rumah urut, pusat hiburan, pusat judi dan berapa jumlah mereka yang telah ditangkap atas kegiatan tidak bermoral yang mencemarkan kesucian Islam di kacamata umum.

JAWAPAN: (YB. DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI) / (YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(i) Kerajaan memberi perhatian terhadap perlakuan segelintir orang Islam yang didapati mengunjungi pusat hiburan, rumah urut dan pusat judi, dengan mengadakan pendekatan penerangan, pencegahan dan penguatkuasaan berdasarkan kepada peruntukan di bawah undang-undang Syariah yang berkuatkuasa di negeri-negeri. Ia bertujuan membendung orang Islam dari melakukan kesalahan yang dilarang di dalam agama Islam.

(ii) Dalam hal ini Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) melaksanakan program kempen penerangan dan kesedaran bagi memastikan masyarakat Islam memahami tentang kesalahan-kesalahan tersebut dari sudut agama dan perundangan. Antara usaha-usaha yang telah dibuat ialah:

- a) penjelasan kepada masyarakat melalui ceramah agama di masjid dan surau,
- b) mengedar risalah dan pamflet serta penerangan menerusi media,
- c) program bual bicara dan pameran kepada masyarakat Islam setempat di IPTA/IPTS, sekolah, kawasan perumahan, pusat membeli belah dan sebagainya,
- d) menjalankan kempen ke arah menyedarkan masyarakat Islam berkenaan akibat dan hukuman kepada mereka yang didapati melakukan kesalahan.

(iii) Selain itu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) juga mengambil tindakan undang-undang ke atas orang Islam yang didapati melakukan kesalahan, sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]. Sebagai contohnya ialah kesalahan di bawah Seksyen 18- berjudi, Seksyen 19 - minum minuman yang memabukkan, seksyen 27 – khalwat dan sebagainya.

(iv) Berdasarkan statistik dari tahun 2016 hingga Ogos 2019, seramai 927 orang Islam telah diambil tindakan di bawah Akta 559 kerana disyaki melakukan kesalahan minum minuman yang memabukkan, manakala 482 orang diambil tindakan kerana berjudi dan 63 orang kerana berkhalwat dengan tukang urut perempuan yang bukan mahram.

Sekian, terima kasih.